

# Buletin IQRA'

---

## 2026

Bil. 5/2026 - Mei • eISSN: 2735-1920

# UiTM HARI INI DALAM SEJARAH

## UiTM Hari ini Dalam Sejarah

Edisi April 2026

**1 April 1983**  
**Majlis Perasmian Penubuhan Pendidikan Islam Institut Teknologi MARA**



YBhg Encik Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid, Pengarah ITM merasmikan Penubuhan Islam Institut Teknologi MARA.

Pada 1 April 1983, Pusat Pendidikan Islam telah ditubuhkan secara rasmi di Institut Teknologi MARA (ITM). Majlis perasmian penubuhan pusat ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Encik Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid, selaku Pengarah ITM, yang berlangsung di Dewan Sri Impian, ITM Shah Alam. Penubuhan Pusat Pendidikan Islam ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dalam menyediakan perkhidmatan ilmiah yang lebih berkesan bagi menyokong pelaksanaan program-program akademik ITM. Selain itu, ia juga berperanan memastikan agar objektif mata pelajaran Pendidikan Islam yang telah dirancang sebelum ini dapat dicapai dengan jayanya.

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Kehidupan

UTM



SCAN

## KOLEKSI KHAZANAH SEJARAH UNIVERSITI

## Koleksi Khazanah Sejarah Universiti

Bil.70 (April 2026)

**Semangat mahasiswa Orientasi ITM tahun 1977**

**Tahun:**  
1977

**Bil. Muka Surat:**  
26

**Bahasa:**  
Melayu

**Jenis Bahan:**  
Buku

**Usia Bahan:**  
49 Tahun



**Deskripsi:**  
Buku program Minggu Orientasi sesi 1977/78 menjadi bukti semangat dan cita-cita besar anak muda Bumiputera pada ketika itu. Penerbitan setebal 26 muka surat ini telah berusia 48 tahun. Dalam ucapan aluan, Menteri Pelajaran Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menekankan bahawa 2,794 pelajar baharu yang terpilih daripada lebih 12,000 pemohon amat bertuah, sekali gus menunjukkan persaingan yang tinggi serta harapan besar untuk mereka menjadi pemangkin pembangunan negara.

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Kehidupan

UTM



SCAN



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

## Hubungi kami:

03 5521 1704

---

[korporatptar@uitm.edu.my](mailto:korporatptar@uitm.edu.my)

---

*Unit Korporat dan Kolaborasi,  
Perpustakaan Tun Abdul Razak,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450, Shah Alam*